

▼08/09/20-04MST

U GB 08-09 00215 BH477

AAB

MALAYSIA TENTANG PENUBUHAN SEKRETARIAT APEC, KATA MAHATHIR

Mahathir - Apcc

I

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Malaysia menentang sebarang langkah untuk menubuhkan sekretariat bagi Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) yang sedang dibincangkan dengan hangat pada mesyuarat para pegawai kanannya di Bangkok, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Malaysia, bagaimanapun, bersetuju kepada penubuhan sebuah badan penyelarasan, kata Perdana Menteri.

+ Kita tidak berpendapat perlu ada satu sekretariat yang formal, memadai sahaja jalah diadakan sebuah badan penyelarasan, + katanya ketika diminta mengulas mengenai perbincangan di kalangan para pegawai kanan APEC di Bangkok untuk sebuah negara anggota Asean dijadikan sekretariat APEC.

+ Kita tidak mahu Apec menjadi sebuah badan formal. Itu pandangan kita, + katanya kepada pemberita selepas menghadiri satu sesi dialog di Seminar Kebangsaan mengenai Persidangan Alam Sekitar dan Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNCED) di Bangunan Bank Negara di sini.

Padamesyuarat para pegawai kanan APEC itu, yang diadakan sebelum berlangsungnya mesyuarat peringkat menteri di Bangkok yang bermula Khamis ini, terdapat perbincangan untuk menubuhkan sekretariat itu sama ada di Singapura, Thailand atau Indonesia.

APEC, yang dianggotai Amerika Syarikat, Kanada, Jepun, Korea Selatan, Australia, New Zealand, China, Hong Kong, Taiwan, Malaysia, Indonesia, Thailand, Singapura, Brunei dan Filipina -- ditubuhkan untuk kerjasama ekonomi dan perdagangan antarabangsa-negara anggota. -- Lagi.

▼08/09/19-32MST

U GB 08-09 00163 BH478

AAB

Mahathir - Apec 2 Kuala Lumpur

I

Negara anggota APEC di luar Asean dikatakan pada amnya bersetuju bahawa sebuah negara anggota Asean dijadikan sekretariat APEC.

Ketika menjawab soalan, Dr Mahathir berkata, Malaysia menganggap APEC sebagai + sebuah badan yang berlainan sama sekali + daripada Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), yang diperjuangkan negara anggota Asean.

Perdana Menteri juga berkata bahawa beliau telah mencrangkan objektif EAEC kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Jepun, Kozo Watanabe yang sedang melawat negara ini semasa menteri itu mengunjunginya hari ini.

Dr Mahathir berkata, pada pertemuan itu, Watanabe menyuarakan kebimbangannya yang EAEC mungkin disalahfaham Amerika Syarikat dan negara lain.

+ Bagaimanapun bagi kita, 'tidak harus ada salah faham, Sekiranya ia disalahfaham maka kita akan mencari masa untuk menerangkannya, jelas beliau.

Sedang kerajaan Jepun masih bersikap negatif terhadap EAEC, Dr Mahathir berkata bahawa pihak swasta Jepun nampaknya berminat dengan perundingan itu khususnya berikutan penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta).

-- Lagi.

▼08/09/19-32MST

CNS8893

U GB 08-09 00140 BH481

BAH

Mahathir - Apec 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, pembentukan NAFTA akan membawa kepada penggubalan beberapa syarat yang akan dikenakan terhadap barangan yang dikeluarkan negara bukan anggota untuk memasuki pasaran kumpulan itu.

Ini, katanya, akan meningkatkan kos bagi negara lain, termasuk Malaysia.

+Sebuah kumpulan perdagangan bebas pada dasarnya merupakan suatu kawasan di mana barangan boleh bergerak dengan bebas di kawasan itu, barangan dari luar akan menghadapi kesukatan, + katanya ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Perdagangan Antarabangsa Kanada, Micheal Wilson bahawa negara lain diluar Amerika Utara boleh menyertai NAFTA,

Dr Mahathir berkata: +Kita belum tahu makna sebenar perdagangan bebas NAFTA, bolehkah semua negara menganggotainya... bolehkah Eropah menyertainya... bolehkah Jepun menyertainya?

+Jika boleh, ini tidak lagi menjadi kawasan perdagangan bebas. Ia menjadi satu kumpulan tanpa memiliki sebarang keistimewaan, + katanya. --  
Lagi.

▼08/09/20-22MST

CNS8894

U GB 08-09 00063 BH482

BAH

Mahathir - Apec 4 (Akhir). Kuala Lumpur

Wilson dilaporkan sebagai berkata bahawa mana-mana negara boleh menjadi anggota jika ia mematuhi peraturan NAFTA,

NAFTA, yang terdiri daripada Kanada, Amerika Syarikat dan Mexico, dilihat Malaysia sebagai sebuah kumpulan mengamalkan dasar perlindungan.

Perdana Menteri berkata, terdapat kebimbangan bahawa keanggotaan NAFTA akan diperluaskan ke Amerika Selatan. -- Bernama.